



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA**

KENYATAAN MEDIA

**KENYATAAN MEDIA MENGENAI PENETAPAN KES JENAYAH
DI MAHKAMAH TINGGI KUALA LUMPUR**

Adalah dimaklumkan bahawa mulai 13 Jun 2017, pendaftaran kes jenayah di Mahkamah Rendah dan Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur telah dilaksanakan secara dalam talian (*online*) melalui Portal *e-Filing* Mahkamah (<https://efs.kehakiman.gov.my>). Proses pendaftaran ini bermula apabila pihak Pendakwa Raya memfailkan kes mereka di dalam sistem *e-Filing*. Sistem ini akan membahagikan kes secara rawak (*randomly*) kepada hakim-hakim yang mengendalikan kes jenayah.

Merujuk kepada kes Pendakwa Raya v. Dato' Sri Najib bin Haji Abd Razak yang telah difailkan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 4 Julai 2018, pendaftaran dan pembahagian kes telah dibuat secara rawak (*randomly*) oleh sistem kepada Mahkamah Tinggi 3, Bahagian Jenayah, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

Sekian, terima kasih.

Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman, Putrajaya
6 Julai 2018